

14 APR 1998

Motosikal-GP

PERARAKAN MOTOSIKAL BERKUASA TINGGI SERIKAN GP MALAYSIA '98

JOHOR BAHRU, 14 April (Bernama) -- Lebih 500 penyertaan perarakan motosikal berkuasa tinggi diterima sejak permohonan dibuka pada 3 April lepas, kata Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Negeri Johor, Datuk Jimmy Low, hari ini.

Beliau berkata acara itu diadakan sempena Grand Prix Motosikal Malaysia '98 di litar Pasir Gudang dekat sini Ahad ini. Ia akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setakat ini sambutan orang ramai terhadap acara itu menggalakkan dan beliau yakin lebih banyak penyertaan dijangka diterima sebelum tarikh tutup pada 17 April, katanya pada persidangan akhbar di pejabatnya di sini.

Perarakan motosikal berkuasa tinggi itu adalah anjuran bersama kerajaan negeri, Majlis Bandaraya Johor Baharu dan Jabatan Pelancongan Johor.

Jimmy Low berkata akitiviti berkonsepkan pelancongan itu adalah sebagai salah satu strategi kempen kesedaran ke arah pemanduan berhemah kepada peminat motosikal dan juga memeriahkan perlumbaan motosikal bertaraf dunia itu.

Beliau berkata penyanyi tempatan, Awie akan mengetuai perarakan itu yang akan bermula dari Dataran Bandaraya Johor Baharu menuju ke litar lumba kereta Pasir Gudang.

Menurutnya, acara itu yang juga diharapkan mampu mencatat rekod dalam buku "Malaysia Book Of Records" (MBOR) sebagai perarakan motosikal yang dapat menghimpunkan kira-kira 1,000 motosikal berkuasa tinggi.

Setakat ini rekod MBOR ialah perarakan 520 penunggang motosikal bersama pembonceng dari Kuala Lumpur ke Nilai, Negeri Sembilan.

Jimmy Low berkata orang ramai yang ingin menyertai perarakan itu masih boleh mendapatkan borang penyertaan di Jabatan Pelancongan Johor, Stesen Radio Best 104 dan Ah Kow Motor Sdn Bhd dengan bayaran RM50 bagi setiap penyertaan.

Tarikh tutup penyertaan ialah 17 April.

Sempena acara itu, katanya, orang ramai juga boleh menyaksikan pameran motosikal berkuasa tinggi, keselamatan jalan raya dan pasukan pelumba GP 500cc di Dataran Bandaraya Johor Baharu pada 18 April mulai 12 tengah hari.

-- BERNAMA

BH ZB